

Headline	USM Institut RIKEN hasilkan ubat daripada sumber alam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V10	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,151
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,453



10
BERITA
IPT

BIL 93 | 27 Oktober - 2 November 2011

USM-Institut RIKEN hasilkan ubat daripada sumber alam

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) dan Institut RIKEN, Jepun bekerjasama menubuhkan makmal penyelidikan bagi penghasilan ubat kepada penyakit demam denggi, Tuberculosis dan HIV menggunakan sumber alam.

Makmal bersama yang dikenali sebagai 'USM-RIKEN Joint Laboratory for Bioprobe Discovery' kini mula beroperasi hasil kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) dan Riken's Advanced Science Institute.

Mantan Naib Canselor USM, Prof Tan Sri Dr Dzulkifli Abdul Razak, berkata status Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber biodiversiti dan lebih 15 peratus khazanah tumbuh-tumbuhan dunia, negara ini sememangnya mempunyai potensi besar untuk menghasilkan pelbagai penyelidikan dalam penghasilan ubat-ubatan yang boleh memberi manfaat kepada dunia.

"Dunia mempunyai sekitar 250 spesies tumbuh-

“Status Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber biodiversiti dan lebih 15 peratus khazanah tumbuh-tumbuhan dunia, negara ini sememangnya mempunyai potensi besar untuk menghasilkan pelbagai penyelidikan dalam penghasilan ubat-ubatan yang memberi manfaat kepada dunia”

Dr Dzulkifli Abdul Razak
Mantan Naib Canselor USM

PROF DR DZULKIFLI (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian penubuhan Makmal Bioprobe di USM dengan Prof Ryoji (tiga dari kanan) di kampus USM, baru-baru ini.

tumbuhan dan dengan penyelidikan terancang, banyak penemuan baru boleh kita dapat hanya dengan memberikan tumpuan kepada khazanah alam yang ada.

"Makmal ini akan menjadi nadi dan sumber kepada penyelidik di negara ini untuk menjalankan pelbagai penyelidikan berteraskan sumber alam.

"Ini juga menjadi makmal penyelidikan bersama yang pertama antara RIKEN dengan sebuah institusi luar dan USM sememangnya berbangga dipilih sebagai rakan usahasama RIKEN," katanya selepas merasmikan bersama makmal itu dengan Presiden RIKEN, Prof Ryoji Noyori.

Dr Dzulkifli berkata, penubuhan makmal itu

juga sejajar dengan Polisi Bioteknologi Negara yang menumpukan kepada usaha pengkomersialan penemuan berkaitan kesihatan berasaskan sumber alam.

Menerusi penubuhan makmal bersama itu, katanya, RIKEN akan turut menempatkan penyelidiknya di USM bagi menjalankan penyelidikan secara bersama.